

PABRON COUGH-D SYRUP

Triprolidine Hydrochloride/Pseudoephedrine Hydrochloride/Dextromethorphan Hydrobromide (1.25mg/30mg/15mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PABRON COUGH-D
2. Bagaimana PABRON COUGH-D berfungsi
3. Sebelum mengambil PABRON COUGH-D
4. Cara menggunakan PABRON COUGH-D
5. Semasa menggunakan PABRON COUGH-D
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PABRON COUGH-D
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang PABRON COUGH-D. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil PABRON COUGH-D berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan PABRON COUGH-D

PABRON COUGH-D digunakan untuk melegakan batuk kering dan kesesakan hidung.

Bagaimana PABRON COUGH-D berfungsi

PABRON COUGH-D mengandungi bahan aktif Triprolidine hydrochloride (HCl),

Pseudoephedrine hydrochloride (HCl) dan Dextromethorphan HBr.

Triprolidine hydrochloride (HCl), tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil antihistamina. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa reaksi alahan.

Pseudoephedrine hydrochloride (HCl), adalah dekonjestan yang berfungsi dengan menyempitkan saluran darah di dalam saluran hidung. Ini membantu melegakan kesesakan hidung atau hidung tersumbat.

Dextromethorphan Hydrobromide (HBr) adalah penahan batuk yang mempunyai tindakan pusat di pusat batuk di dalam medula (bahagian otak). Ia mempunyai aktiviti sedatif yang sangat sedikit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum mengambil PABRON COUGH-D

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil PABRON COUGH-D jika anda alah kepada Triprolidine hydrochloride (HCl), Pseudoephedrine hydrochloride (HCl), Dextromethorphan HBr atau mana-mana bahan dalam ubat ini.

Jangan mengambil PABRON COUGH-D sekiranya anda mengalami keadaan berikut:

- tekanan darah tinggi yang serius dan penyakit arteri koronari (masalah jantung)
- mengambil monoamine oxidase inhibitor (anti-kemurungan) dalam tempoh 2 minggu yang lepas.

- batuk yang berkaitan dengan asma atau lebih rembesan
- mengalami atau mempunyai risiko mendapat kegagalan pernafasan

-Sebelum mula mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai:

- tekanan darah tinggi
- Penyakit jantung
- kencing manis
- kelenjar tiroid terlalu aktif
- Tekanan dalam mata meningkat
- Pembesaran prostat
- masalah buah pinggang
- masalah hati

Kehamilan dan penyusuan:

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusukan. Pseudoephedrine dan triprolidine dirembeskan ke dalam susu badan dalam jumlah yang kecil.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Maklumkan pada doktor anda jika anda sedang mengambil agen antibakteria, furazolidone.

Penggunaan agen simpatomimetik seperti dekonjestan, tricyclic antidepressant, amphetamine-like psychostimulants dan monoamine oxidase inhibitors, kadang-kala boleh menyebabkan peningkatan tekanan darah.

Kandungan Pseudoephedrine boleh mengganggu ubat penyekat alfa dan beta.

Elakkan pengambilan alkohol atau sebarang ubat berunsur sedatif.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil mana-mana ubat di atas.

Cara menggunakan PABRON COUGH-D

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berumur lebih dari 12 tahun:
10ml

Kanak-kanak berumur 6-12 tahun:
5ml

Kanak-kanak berumur 2-6 tahun:
2.5ml

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur bawah 2 tahun.

Untuk digunakan dengan berhati-hati dan atas nasihat doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

-Bila perlu digunakan

PABRON COUGH-D boleh diambil tiga kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan

tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Bawa sebarang baki ubat bersama anda

Simptom berikut mungkin berlaku jika terlebih dos:

- ketidakselesaan gastrousus
- loya
- muntah-muntah
- mengantuk
- kelesuan
- pening
- gangguan koordinasi otot
- rendah tona otot
- gangguan pernafasan
- kekeringan kulit dan membran mukus
- takikardia (kadar degupan jantung yang cepat)
- tekanan darah tinggi
- kenaikan suhu badan melebihi paras normal
- hiperaktif
- mudah marah
- sawan
- kesukaran membuang air kecil

Semasa menggunakan PABRON COUGH-D

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda merancang untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil PABRON COUGH-D.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi PABRON COUGH-D kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

PABRON COUGH-D boleh menyebabkan rasa mengantuk dan menjejaskan prestasi dalam ujian kewaspadaan pendengaran. Jangan memandu atau mengendalikan jentera jika anda terjejas.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang kala ia serius, tetapi tidak serius pada kebanyakan masa.

Kesan-kesan sampingan yang mungkin dihadapi:

- penekanan atau rangsangan sistem saraf pusat
- gangguan tidur
- khayalan
- ruam kulit
- takikardia (kadar denyutan jantung yang cepat)
- kekeringan mulut, hidung dan tekak
- pengekalan air kencing
- loya
- muntah
- gangguan gastrousus

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan

melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan PABRON COUGH-D

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.
Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput.
Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

PABRON COUGH-D adalah sirap coklat gelap dengan perisa herba, boleh didapati dalam botol plastik ambar PET 120ml.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:

Setiap 5ml sirap mengandungi:-

- Triprolidine hydrochloride (HCl) 1.25mg
- Pseudoephedrine hydrochloride (HCl) 30mg
- Dextromethorphan HBr 15mg

-Bahan-bahan tidak aktif:

Menthol, Liquid Caramel, Propylene Glycol, Sodium Benzoate, Sorbitol Solution 70%, Herbal Flavor, Saccharin Sodium & Purified Water.

-Nombor MAL: MAL05101680ACZ

Pengilang

Xepa-Soul Pattinson (M) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate
75250 Melaka, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

05/10/2017

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)300817/00242